



BH 11/8/12 MS10

Beberapa kawasan sekitar Segamat dinaiki air selepas kejadian ribut disertai hujan batu, semalam.

[FOTO AHMAD ISMAIL /BH]

YAN



Anggota Bomba dan Penyelamat Yan memadamkan kebakaran sebuah rumah di Sedaka, Yan, semalam.

[FOTO NUR SYAZWANA MANSOR/BH]

# 60 kediaman rosak kena ribut, hujan batu

SEGAMAT

# »Bumbung tercabut diterbangkan angin, beberapa kenderaan rosak ditimpa pokok

Oleh Ahmad Ismail, Norizzah Baharudin dan Nur Syazwana Mansor

bhnews@bh.com.my

► Segamat

Sekurang-kurangnya 60 rumah rosak termasuk sebuah rumah terbelah dua akibat dihempap pokok durian sebesar dua pemeluk dalam kejadian ribut yang disertai hujan batu, sekitar bandar ini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira setengah jam, mulai jam 6 petang itu, pemilik rumah terbabit, Omar Hassan, 67, dari Kampung Berata, menerima lima jahitan di kaki akibat cedera ditimpa dahan pokok itu yang dipercayai berusia ratusan tahun.

Bagaimanapun, isterinya, Siti Minaton Sabilan, 57, dan cucunya, Nor Qistina Abdullah, 5, terselamat kerana sudah keluar terlebih dahulu.

Kawasan yang turut terjejas termasuk sekitar Jalan Pemuda, Buloh Kasap, Jalan Hussain, Jalan Muar, Taman Bendahara, Taman Laksamana, Kampung Bendahara Lubok Batu, Jalan Temenggung, Kampung Berata, Jalan Omar dan Kampung Paya Dalam.

## Bumbung tercabut

Kerosakan lain yang dilaporkan termasuk bumbung tercabut diterbangkan angin dan beberapa kenderaan rosak ditimpa pokok yang tumbang.

Berikutan kejadian itu, anggota bomba dikerah untuk memotong pokok tumbang terutama yang menghalang jalan, manakala Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyambung semula bekalan elektrik yang terjejas disebabkan kabel putus.

Pemilik rumah yang mengalami kerosakan juga diminta membuat laporan polis, manakala bantuan kepada mangsa dijangka dilakukan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sementara itu, Siti Minaton berkata, pada mulanya suaminya mengarahnya bersama Nor Qistina keluar dari rumah selepas melihat daun pokok durian milik jiran gugur dan memasuki kediamannya apabila ribut melanda.

Selepas mereka berada di luar rumah, tiba-tiba Omar memasuki semula ke dalam rumah untuk menutup suis peti sejuk kerana khuatir berlaku litar pintas.

## Pokok durian tumbang

"Hanya selepas beberapa tapak melangkah keluar sambil mendukung cucu, saya melihat pokok durian tumbang lalu menghempap ruang tengah rumah.

"Saya melihat kedua-dua tangan suami terkapai-kapai di celah dahan dan daun pokok durian yang menyebabkan saya berpatah balik untuk menariknya keluar daripada runtuhan itu," katanya.

Siti Minaton berkata, ribut yang berlaku secara tiba-tiba menghasilkan bunyi menakutkan, selain terdengar bunyi seperti batu di baling di atas atap akibat dihujani

**Hujan air batu** yang dikutip oleh penduduk Kampung Berata, Segamat.

[FOTO  
AHMAD  
ISMAIL/BH]

ketulan air batu.

Dia yang kerugian kira-kira RM120,000 akibat kerosakan rumah, perabot dan alat elektrik, bersyukur kerana dia dan cucunya terselamat, manakala suaminya hanya cedera ringan.

Sementara itu, Menteri Kesihatan yang juga Ahli Parlimen Segamat, Datuk Seri Dr S Subramaniam, yang meninjau lokasi ribut, meminta mangsa membuat laporan polis bagi memudahkan bantuan disalurkan.



## INFO HUJAN BATU

- ☐ terjadi hasil kerpasan terdiri daripada ketulan atau bola air sebesar lima milimeter hingga 50 milimeter.
- ☐ terjadi daripada awan kumulonimbus (awan petir).
- ☐ terbentuk melalui kondensasi wap air di atmosfera pada lapisan sejuk beku.
- ☐ hujan batu tidak hanya terjadi di negara sub-tropika, tetapi juga di kawasan khatulistiwa seperti Malaysia.
- ☐ (Kerpasan ialah hasil pemeluwapan wap air di atmosfera yang ditarik ke bawah oleh graviti, lalu termendap di permukaan bumi).



**Maimunah menunjukkan keadaan rumahnya yang musnah dalam kebakaran, semalam.**

BH 1/2/14 MS 11

# Rumah pusaka lebih 45 tahun hangus

**Yan:** Tujuh sekeluarga tinggal sehelai sepinggang selepas rumah pusaka berusia lebih 45 tahun di Sedaka di sini, terbakar, semalam.

Kejadian jam 7 pagi itu menyebabkan rumah milik ibu tunggal, Maimunah Mahmud, 79, musnah bersama pelbagai barangan termasuk dokumen, pakaian serta barang berharga, dengan kerugian dianggarkan RM150,000.

Selain Maimunah, rumah itu didiami anak serta menantunya bersama empat anak mereka berusia antara empat dan 15 tahun.

## **Berjaya selamatkan diri**

Ketika kejadian, Maimunah dan anak serta cucunya berjaya menyelamatkan diri, manakala menantunya keluar menghantar anak ke sekolah.

"Ketika kejadian saya berehat di luar rumah sebelum dikejutkan jeritan anak dari dalam rumah.

"Saya dengar dia menjerit api... api... berulang-ulang kali. Saya bergegas untuk masuk, namun dihalang oleh anak saya yang berlari keluar bersama cucu," katanya.

Menantu Maimunah, Fazilah Ramli, 44, berkata dia terhidu bau benda terbakar sebelum mendengar letupan kecil ketika menyapu di dapur.

"Saya tidak sedap hati lantas bergegas ke ruang tamu dan mendapati api marak di tengah rumah.

"Saya segera berlari mendapatkan anak yang sedang menonton televisyen di ruang tamu serta mencapai telefon bimbit di atas sebuah almari sebelum berlari keluar," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Yan, Mohd Firdaus Bukari, berkata sepasukan 12 anggota bomba dikejarkan ke lokasi sebaik menerima panggilan pada jam 7.45 pagi.



## 19 penghuni lima rumah sewa hilang tempat tinggal

**Alor Gajah :** Seramai 19 penghuni daripada lima keluarga hilang tempat tinggal apabila sederet lima rumah sewa musnah dalam kebakaran di Jalan Bukit Sebang, Pulau Sebang di sini, kelmarin.

Bagaimanapun, tiada kecederaan dilaporkan dalam kebakaran kira-kira jam 6 petang itu.

Kejadian disedari penghuni, Ho Siu Chun, 57, apabila ternampak kepulan asap di belakang deretan rumah itu.

Pada mulanya dia menyangka jirannya membakar sampah, tetapi apabila mendapati asap semakin tebal, baru menyedari rumah berkenaan terbakar.

### Talian 999 gagal dihubungi

“Situasi agak kelim kabut apabila talian kecemasan 999 gagal dihubungi sebelum saya menghubungi balai polis berdekatan untuk memaklumkan kejadian,” katanya.

Seorang lagi mangsa, Pang Teng Seng, 38, berkata ketika kejadian dia tiada di rumah kerana mengunjungi saudara sebelum dihubungi seseorang yang memak-

lumkan kebakaran itu.

Dia yang bergegas pulang, mendapati rumahnya terbakar.

“Saya hampir pengsan apabila lihat api marak membakar rumah tanpa sempat menyelamatkan barang berharga.

### Jiran minta penghuni keluar

“Saya terdengar jiran meminta penghuni keluar rumah termasuk seorang penduduk berusia 50-an yang juga Orang Kurang Upaya (OKU).

“ Kami bersyukur kerana tiada ahli keluarga cedera,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat Negeri, Sohaimi Mohamad, berkata pihaknya menerima panggilan pada jam 6.45 petang sebelum sepasukan 25 anggota dari empat balai bomba dan penyelamat bergegas ke lokasi.

Operasi memadam kebakaran membabitkan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Alor Gajah, Masjid Tanah, Tampin dan Bukit Katil.

“Api berjaya dipadamkan sepenuhnya pada jam 7 malam,” katanya.

### ALOR GAJAH



**Anggota bomba dan penyelamat memadam api** yang memusnahkan lima rumah sederet di Jalan Pulau Sebang, Alor Gajah kelmarin. [FOTO ARIFIN SALLEH/BH]



> 28 September 2009

hujan batu sebesar cawan berlaku di Jerantut, Pahang.

> 24 Februari 2007

hujan batu sebesar syiling 20 sen berlaku di Sungai Buloh dan Damansara.